



# PERHATIAN


## SEMAKAN STATUS SENARAI HITAM (BLACKLISTED) JPA

### Penting:

Sila semak status senarai hitam (blacklisted) JPA bagi:

- Pemohon
- Ibu
- Bapa

sebelum mengisi permohonan.

 Semakan boleh dibuat di pautan berikut:

[https://esilav2.jpa.gov.my/online\\_progs/tunggakandividu.php](https://esilav2.jpa.gov.my/online_progs/tunggakandividu.php)

### TINDAKAN SEGERA DIPERLUKAN

Sila selesaikan bayaran/tunggakan:


- **Mulai: 3 April 2026** (Jumaat)
- **Sehingga: 10 April 2026** (Jumaat)

Kelewatan melaksanakan bayaran akan menyebabkan permohonan **disekat**.

### PERTANYAAN & PENYELARASAN

 **03-8000 8000**

 <https://forms.gle/gGAu45dttiDafDnqW6>

 Dalam tempoh:  
**3 April 2026** (Jumaat) hingga **10 April 2026** (Jumaat)

### MAKLUMAN

*Keputusan adalah muktamad dan tiada rayuan akan diterima selepas tempoh yang ditetapkan.*





**TAWARAN PENAJAAN  
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM (JPA)**

**PROGRAM KHAS JPA-MARA TAHUN 2026**

**1. PENGENALAN**

Program Khas JPA-MARA (PKJM) Tahun 2026 merupakan penajaan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) kepada pelajar Bumiputera cemerlang lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2025 untuk mengikuti pengajian peringkat Persediaan dan Ijazah Pertama di dalam negara dan luar negara iaitu di negara Jepun, United Kingdom dan New Zealand dalam bidang-bidang berkaitan.

Penajaan program ini adalah dalam bentuk **Pinjaman Boleh Ubah (PBU) Berasaskan Merit Akademik** memperuntukkan **kemudahan pengecualian/ pengurangan bayaran balik pinjaman berdasarkan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) akhir dan/ atau dilantik dalam Sektor Awam setaraf dengan kelayakan** seperti berikut:

<b>Kriteria</b>	<b>Peratusan bayaran balik PBU</b>
i) PNGK akhir 3.75 - 4.00 atau setara tanpa pelanjutan	5%
ii) PNGK akhir 3.50 - 3.74 atau setara tanpa pelanjutan	10%
iii) PNGK akhir 3.00 - 3.49 atau setara tanpa pelanjutan	15%
iv) PNGK akhir 3.00 dan ke atas atau setara dengan pelanjutan	20%

Kriteria	Peratusan bayaran balik PBU
v) PNGK akhir di bawah 3.00 atau setara atau Gagal pengajian	100%
<b>DAN/ ATAU</b>	
Dilantik dalam Sektor Awam (setaraf dengan kelayakan)	Dikecualikan bayaran balik atas baki nilai pinjaman

## 2. STRUKTUR PENGAJIAN PROGRAM KHAS JPA-MARA

Struktur pengajian bagi Program Khas JPA-MARA adalah seperti berikut:

### 2.1 Program PKJM Luar Negara

Bil.	Program/Tempat	Persediaan		Ijazah Pertama	
		Kolej Persediaan	Kursus/Tempoh	Bidang	Kelayakan / Tempoh
1.	Akademik Jepun	Ambang Asuhan Jepun (AAJ)	Rancangan Persediaan Khas Jepun (20 bulan)	Kejuruteraan / Sains & Teknologi	36 - 48 bulan
		Pusat Bahasa Teikyo (PBT)	Program Pra-Universiti Jepun (20 bulan)	Sains Sosial	48 bulan
2.	Akademik United Kingdom	Malay College Kuala Kangsar (MCKK) (lelaki sahaja)	International Baccalaureate Diploma Programme (IB) (24 bulan)	Kejuruteraan / Sains & Teknologi	36 - 48 bulan
		Kolej Tunku Kurshiah (TKC) (perempuan sahaja)	International Baccalaureate Diploma Programme (IB) (24 bulan)	Kejuruteraan / Sains & Teknologi	36 - 48 bulan

Bil.	Program/ Tempat	Persediaan		Ijazah Pertama	
		Kolej Persediaan	Kursus/ Tempoh	Bidang	Kelayakan / Tempoh
		Kolej MARA Seremban	A-Level (24 bulan)	Sains Sosial	36 bulan
3.	Berkembar New Zealand	Kolej Yayasan Saad Business School (KYSBS)	Foundation in Commerce (12 bulan)	Perakaunan, Ekonomi dan Kewangan	36 bulan

## 2.2 Program PKJM Dalam Negara

BIL	GLU/IPTS	BIDANG
1.	Universiti Teknologi PETRONAS (UTP)	Kejuruteraan / Sains & Teknologi
2.	Universiti Tenaga Nasional (UNITEN)	Kejuruteraan / Sains & Teknologi/ Sains Sosial
3.	Universiti Multimedia (MMU)	Kejuruteraan / Sains & Teknologi/ Sains Sosial
4.	Universiti Kuala Lumpur (UniKL)	Kejuruteraan / Sains & Teknologi/ Sains Sosial

## 2.3 Peringkat Pengajian dan Institusi Pengajian

- a) Pelajar akan ditaja untuk pengajian peringkat Program Persediaan dan Ijazah Pertama.
- b) Pelajar-pelajar yang ditawarkan penajaan **luar negara** di bawah program ini akan mengikuti pengajian Persediaan di kolej persediaan yang dikenal pasti. Manakala, pelajar yang ditawarkan penajaan **dalam negara** di bawah program ini akan mengikuti pengajian Persediaan dan Ijazah Pertama di **institusi pengajian yang sama**.

- c) Kursus-kursus yang diikuti di peringkat Ijazah Pertama hendaklah mendapat akreditasi penuh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan mendapat pengiktirafan penuh Badan-badan Profesional bagi kursus-kursus profesional.

#### 2.4 Bidang pengajian yang tidak ditaja merangkumi:

- (i) Program perubatan, pergigian dan farmasi;
- (ii) Undang-undang;
- (iii) Seni bina;
- (iv) Program kejururawatan, separa perubatan dan program pra-perkhidmatan;
- (v) Bidang pendidikan;
- (vi) Bidang yang memerlukan pelajar mengambil jenis-jenis lesen seperti lesen penerbangan dan sebagainya;
- (vii) Program-program berkaitan kursus/ sijil profesional seperti ACCA; dan
- (viii) Program-program berkembar/ ijazah dual/ *double degree*/ program kerjasama dengan institusi lain.

#### 2.5 Program Akademik Jepun

Penajaan ke Jepun merupakan salah satu daripada inisiatif pemerkasaan Dasar Pandang ke Timur (DPT) yang diperkenalkan oleh Kerajaan sejak tahun 1982. Pelajar berpeluang melanjutkan pengajian melalui dua program pendidikan iaitu laluan ke universiti (laluan akademik) dan laluan teknikal melalui Colleges of Technology (KOSEN).

Program Akademik Jepun merupakan program penajaan ke Jepun dalam bidang Kejuruteraan/ Sains dan Teknologi (S&T) dan Sains Sosial. Kerajaan Jepun menerusi Ministry of Education, Culture, Sports, Science and Technology (MEXT) menentukan kriteria pelajar tajaan Kerajaan Malaysia yang dibenarkan menyambung pengajian di universiti-universiti Jepun termasuklah pusat pengajian bagi Program Persediaan ke Jepun iaitu Ambang Asuhan Jepun (AAJ), Universiti Malaya dan Pusat Bahasa Teikyo (PBT).

Pelajar di bawah program ini akan mengikuti program persediaan khas di Ambang Asuhan Jepun (AAJ), Universiti Malaya bagi bidang Kejuruteraan / S&T atau di Pusat Bahasa Teikyo (PBT) bagi bidang Sains Sosial sebelum melanjutkan pengajian peringkat Ijazah Pertama di universiti-universiti di Jepun.

Bermula tahun 2013, pelajar yang akan menyambung pengajian di Jepun hendaklah lulus program persediaan dan *Japanese University Admission for International Students* (EJU) selain daripada menunjukkan rekod kehadiran yang baik.

## 2.6 Program Akademik United Kingdom

Program Akademik United Kingdom merupakan program penajaan ke United Kingdom (UK) dalam bidang Kejuruteraan, Sains & Teknologi dan Sains Sosial. Pelajar akan ditindik bagi mengikuti program persediaan terpilih sebelum melanjutkan pengajian peringkat Ijazah Pertama di 100 buah universiti terbaik di United Kingdom (UK) berdasarkan senarai Times Higher Education (THE) World University Rankings dan/atau Quacquarelli Symonds (QS) World University Rankings dan/atau Academic Ranking of World Universities (ARWU).

Pelajar akan mengikuti program persediaan selama dua tahun di kolej-kolej berikut mengikut bidang pengajian:

- Malay College Kuala Kangsar (MCKK) atau Kolej Tunku Kurshiah (TKC) bagi bidang Kejuruteraan/Sains & Teknologi; atau
- Kolej MARA Seremban bagi bidang Sains Sosial.

## 2.7 Program Berkembar New Zealand

Program Berkembar New Zealand merupakan program kolaboratif antara Kolej Yayasan Saad Business School (KYSBS) dan konsortium universiti di New Zealand yang melibatkan University of Auckland, Victoria University of Wellington, University of Canterbury, University of Waikato dan Massey University bagi pengajian dalam bidang Sains Sosial khususnya program Perakaunan, Ekonomi, dan Kewangan. Tempoh pengajian adalah selama dua tahun di KYSBS, merangkumi setahun pengajian peringkat Persediaan dan setahun pengajian peringkat Ijazah Pertama serta dua tahun Ijazah Pertama yang seterusnya di New Zealand.

## 2.8 PKJM Dalam Negara

PKJM Dalam Negara meliputi pengajian Persediaan dan Ijazah Pertama di institusi pengajian yang sama. Program ini memfokuskan pengajian dalam bidang kepakaran yang ditawarkan di IPTS *Government-Linked Universities* (GLU) yang dikenal pasti. IPTS (GLU) yang dikenal pasti mendapat pengiktirafan 'Berdaya Saing' di bawah Sistem Penarafan Bersepadu Institusi Pendidikan Tinggi Malaysia (SETARA) 2022 oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) serta tersenarai dalam *QS World University Ranking*.

### 3. SYARAT PERMOHONAN

Calon mestilah memenuhi syarat-syarat permohonan seperti berikut:

#### 3.1. Syarat Umum

- (a) Pemohon DAN salah seorang ibu ATAU bapa berketurunan Melayu/Bumiputera dan warganegara Malaysia;
- (b) Pemohon disyaratkan bebas daripada penyakit kronik/ berjangkit/ penyakit yang memerlukan rawatan susulan dan berupaya mengikuti pengajian sehingga tamat, serta disahkan sihat untuk meneruskan pengajian;
- (c) Ibu dan/atau bapa dan/atau pemohon tidak disenarai hitam oleh JPA atau sedang dalam tindakan undang-undang oleh JPA. Bagi tujuan permohonan ini, sila pastikan pemohon/ibu/bapa adalah bebas daripada tindakan undang-undang/disenarai hitam pinjaman JPA. Semakan senarai hitam JPA boleh dibuat di pautan [https://esilav2.jpa.gov.my/online\\_progs/tunggakanindividu.php](https://esilav2.jpa.gov.my/online_progs/tunggakanindividu.php). **Jika pemohon/ibu/bapa didapati telah dikenakan tindakan undang-undang/disenarai hitam, sila hubungi 03-8000 8000 dalam tempoh 3 April 2026 (Jumaat) hingga 10 April 2026 (Jumaat)** untuk penyelarasan lanjut. Keputusan adalah muktamad dan tiada rayuan akan diterima selepas daripada tempoh yang ditetapkan.
- (d) Sekiranya berjaya ditawarkan penajaan JPA, pemohon tidak dibenarkan menerima bantuan kewangan/ tajaan daripada mana-mana agensi untuk peringkat atau pengajian yang sama;
- (e) Menduduki peperiksaan SPM 2025 buat kali pertama di mana-mana sekolah menengah atau calon-calon persendirian; dan
- (f) Umur belum mencapai 19 tahun, atau belum mencapai 20 tahun bagi pelajar peralihan pada 31 Disember tahun peperiksaan SPM diduduki.

### 3.2. Syarat Khusus

Perincian syarat khusus mengikut bidang yang ditetapkan adalah seperti berikut:

#### (A) PKJM Luar Negara

BIL	PROGRAM / BIDANG / NEGARA PENGAJIAN / KOLEJ PERSEDIAAN	SYARAT / GRED MINIMUM KEPUTUSAN SPM
1.	<p><b>AKADEMIK JEPUN</b></p> <p><u>Bidang</u> <b>Kejuruteraan /Sains &amp; Teknologi</b></p> <p><u>Negara</u> <b>Jepun</b></p> <p><u>Kolej Persediaan</u> <b>Ambang Asuhan Jepun, Pusat Asasi Sains Universiti Malaya</b></p> <p><u>Kod Program</u> <b>PKJM 001</b></p>	<p><b>Mendapat</b> sekurang-kurangnya <b>Gred A</b> dalam lima mata pelajaran berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Bahasa Melayu;</li> <li>b) Matematik;</li> <li>c) Matematik Tambahan;</li> <li>d) Fizik;</li> <li>e) Kimia;</li> </ul> <p><b>Dan</b></p> <p><b>Mendapat</b> sekurang-kurangnya <b>Gred A-</b> dalam dua mata pelajaran berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Bahasa Inggeris;</li> <li>b) Sejarah.</li> </ul>
2.	<p><b>AKADEMIK JEPUN</b></p> <p><u>Bidang</u> <b>Sains Sosial</b></p> <p><u>Negara</u> <b>Jepun</b></p> <p><u>Kolej Persediaan</u> <b>Pusat Bahasa Teikyo</b></p> <p><u>Kod Program</u> <b>PKJM 002</b></p>	<p><b>Mendapat</b> sekurang-kurangnya <b>Gred A</b> dalam empat mata pelajaran berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Bahasa Melayu;</li> <li>b) Matematik;</li> <li>c) Pendidikan Islam / Pendidikan Al-Quran dan Al-Sunnah / Pendidikan Syari'ah Islamiah / Pendidikan Moral / Usul Al-Din / Al-Syariah / Turath Al-Quran dan Al-Sunnah / Turath Dirasat Islamiah;</li> <li>d) <b>Satu</b> mata pelajaran lain;</li> </ul> <p><b>Dan</b></p> <p><b>Mendapat</b> sekurang-kurangnya <b>Gred A-</b> dalam dua mata pelajaran berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Matematik Tambahan;</li> <li>b) Bahasa Inggeris;</li> <li>c) Sejarah.</li> </ul>

BIL	PROGRAM / BIDANG / NEGARA PENGAJIAN / KOLEJ PERSEDIAAN	SYARAT / GRED MINIMUM KEPUTUSAN SPM
3.	<p><b>AKADEMIK UNITED KINGDOM</b></p> <p><u>Bidang</u> <b>Kejuruteraan/ Sains &amp; Teknologi</b></p> <p><u>Negara</u> <b>United Kingdom</b></p> <p><u>Kolej Persediaan</u> <b>Malay College Kuala Kangsar / Kolej Tunku Kurshiah</b></p> <p><u>Kod Program</u> <b>PKJM 003</b></p>	<p><b>Mendapat</b> sekurang-kurangnya <b>Gred A</b> dalam lima mata pelajaran berikut:</p> <p>a) Bahasa Melayu; b) Matematik; c) Matematik Tambahan; d) Fizik; e) Kimia;</p> <p><b>Dan</b></p> <p><b>Mendapat</b> sekurang-kurangnya <b>Gred A-</b> dalam dua mata pelajaran berikut:</p> <p>a) Bahasa Inggeris; dan b) Sejarah.</p>
4.	<p><b>AKADEMIK UNITED KINGDOM</b></p> <p><u>Bidang</u> <b>Sains Sosial</b></p> <p><u>Negara</u> <b>United Kingdom</b></p> <p><u>Kolej Persediaan</u> <b>Kolej MARA Seremban</b></p> <p><u>Kod Program</u> <b>PKJM 004</b></p>	<p><b>Mendapat</b> sekurang-kurangnya <b>Gred A</b> dalam lima mata pelajaran berikut:</p> <p>a) Bahasa Melayu; b) Matematik; c) Pendidikan Islam / Pendidikan Al-Quran dan Al-Sunnah / Pendidikan Syari'ah Islamiah / Pendidikan Moral / Usul Al-Din / Al-Syariah / Turath Al-Quran dan Al-Sunnah / Turath Dirasat Islamiah; dan d) <b>Dua</b> mata pelajaran lain;</p> <p><b>Dan</b></p> <p><b>Mendapat</b> sekurang-kurangnya <b>Gred A-</b> dalam dua mata pelajaran berikut:</p> <p>a) Bahasa Inggeris; dan b) Sejarah.</p>

BIL	PROGRAM / BIDANG / NEGARA PENGAJIAN / KOLEJ PERSEDIAAN	SYARAT / GRED MINIMUM KEPUTUSAN SPM
5.	<p><b>BERKEMBAR NEW ZEALAND</b></p> <p><u>Bidang</u> <b>Perakaunan / Ekonomi / Kewangan</b></p> <p><u>Negara</u> <b>Malaysia dan New Zealand</b></p> <p><u>Kolej Persediaan</u> <b>Kolej Yayasan Saad Business School</b></p> <p><u>Kod Program</u> <b>PKJM 005</b></p>	<p><b>Mendapat</b> sekurang-kurangnya <b>Gred A</b> dalam lima mata pelajaran berikut:</p> <p>a) Bahasa Melayu; b) Matematik; c) Pendidikan Islam / Pendidikan Al-Quran dan Al-Sunnah / Pendidikan Syari'ah Islamiah / Pendidikan Moral / Usul Al-Din / Al-Syariah / Turath Al-Quran dan Al-Sunnah / Turath Dirasat Islamiah; d) <b>Dua</b> mata pelajaran lain;</p> <p><b>Dan</b></p> <p><b>Mendapat</b> sekurang-kurangnya <b>Gred A-</b> dalam dua mata pelajaran berikut:</p> <p>a) Bahasa Inggeris; b) Sejarah.</p>

**(B) PKJM Dalam Negara**

BIL	BIDANG	SYARAT / GRED MINIMUM KEPUTUSAN SPM
1.	<p><u>Bidang</u> <b>Kejuruteraan/ Sains dan Teknologi</b></p> <p><u>Persediaan &amp; Ijazah Pertama</u> <b>IPTS (GLU)</b></p> <p><u>Kod Program</u> Kejuruteraan: <b>PKJM 008 (UTP)</b> <b>PKJM 010 (UNITEN)</b> <b>PKJM 013 (MMU)</b> <b>PKJM 016 (UniKL)</b></p> <p>Sains dan Teknologi: <b>PKJM 009 (UTP)</b> <b>PKJM 011 (UNITEN)</b> <b>PKJM 014 (MMU)</b> <b>PKJM 017 (UniKL)</b></p>	<p><b>Mendapat</b> sekurang-kurangnya <b>Gred A</b> dalam lima mata pelajaran berikut:</p> <p>a) Bahasa Melayu; b) Matematik; c) Matematik Tambahan; d) Fizik; dan e) Kimia.</p> <p><b>Dan</b></p> <p><b>Mendapat</b> sekurang-kurangnya <b>Gred A-</b> dalam dua mata pelajaran berikut:</p> <p>a) Sejarah; dan b) <b>Satu</b> mata pelajaran lain.</p>

BIL	BIDANG	SYARAT / GRED MINIMUM KEPUTUSAN SPM
2.	<u>Bidang</u> <b>Sains Sosial</b>  <u>Persediaan &amp; Ijazah Pertama</u> <b>IPTS (GLU)</b>  <u>Kod Program</u> <b>PKJM 012 (UNITEN)</b> <b>PKJM 015 (MMU)</b> <b>PKJM 018 (UniKL)</b>	<b>Mendapat</b> sekurang-kurangnya <b>Gred A</b> dalam lima mata pelajaran berikut:  a) Bahasa Melayu; b) Matematik; c) Pendidikan Islam / Pendidikan Al-Quran dan Al-Sunnah / Pendidikan Syari'ah Islamiah / Pendidikan Moral / Usul Al-Din / Al-Syariah / Turath Al-Quran dan Al-Sunnah / Turath Dirasat Islamiah; dan d) <b>Dua mata pelajaran lain</b>  <b>Dan</b>  <b>Mendapat</b> sekurang-kurangnya <b>Gred A-</b> dalam dua mata pelajaran berikut:  a) Sejarah; dan b) <b>Satu</b> mata pelajaran lain.

#### 4. PERMOHONAN

4.1 Permohonan dibuka secara dalam talian (*online*) di <https://penajaan.jpa.gov.my> mulai **3 April 2026 (Jumaat), 3.00 petang** hingga **16 April 2026 (Khamis), 5.00 petang**. Permohonan yang diterima selepas tarikh tersebut tidak akan diproses.

4.2 Calon dibenarkan mendaftar, mengemas kini/ meminda maklumat permohonan sebelum tarikh tutup permohonan. **Hanya pindaan yang terkini sahaja diambil kira untuk tujuan penyimpanan data. Sekiranya calon membuat semakan semula keputusan SPM, calon perlu segera mengemukakan hasil semakan semula yang diterima daripada Lembaga Peperiksaan selewat-lewatnya 16 April 2026 (Khamis) jam 5.00 petang menerusi e-mel [lepasanspm2026@jpa.gov.my](mailto:lepasanspm2026@jpa.gov.my).** Permohonan bagi calon yang ingin menggunakan hasil **keputusan semakan semula SPM tidak akan dipertimbangkan** sekiranya diterima selepas tarikh tutup permohonan.

- 4.3 Calon **diwajibkan** mengambil dan melengkapkan **Ujian Khas Penajaan Persekutuan (UKPP)** yang akan dibuka mulai **3 April 2026 (Jumaat), 3.00 petang hingga 16 April 2026 (Khamis), 5.00 petang** melalui Sistem ePermohonan. **Calon yang tidak menduduki ujian ini adalah dikira gagal dan tidak layak ditawarkan penajaan.**
- 4.4 Calon hendaklah memastikan proses permohonan telah sempurna dengan mencetak **Slip Pengesahan UKPP** dan **Slip Pengesahan Permohonan Program Khas JPA-MARA Tahun 2026** sebagai bukti permohonan telah dibuat.
- 4.5 Calon boleh merujuk **Soalan Lazim** yang dimuat naik di Portal JPA bagi maklumat lanjut berhubung program yang ditawarkan.
- 4.6 **Pertanyaan mengenai program tajaan dan masalah teknikal** boleh dibuat dengan menghubungi talian *call center* iaitu 03-8000 8000 (jam 9.00 pagi hingga 4.30 petang) atau e-mel [lepasanspm2026@jpa.gov.my](mailto:lepasanspm2026@jpa.gov.my) (talian dan e-mel ini hanya aktif dalam tempoh permohonan dibuka sahaja).
- 4.7 Calon dibenarkan untuk membuat pemilihan **satu (1) program sahaja** bagi tujuan permohonan, iaitu sama ada **Program Khas Jepun, Korea, Perancis dan Jerman (JKPJ) Tahun 2026** atau **Program Khas JPA-MARA (PKJM) Tahun 2026**.

## 5. **STUDENT ASSESSMENT CENTRE (SAC)**

Calon yang memohon akan disenarai pendek dan dipanggil untuk menghadiri SAC. SAC diadakan bertujuan bagi menyediakan profil interpersonal pelajar, menyediakan maklumat kumulatif berkenaan kompetensi pelajar bagi memilih pelajar terbaik untuk ditaja JPA. **Program SAC dijadualkan berlangsung mulai 19 hingga 21 Mei 2026 mengikut zon pusat temu duga**

## 6. TARIKH-TARIKH PENTING


<b>Aktiviti</b>	<b>Tarikh / Hari / Masa</b>
Permohonan dibuka	<b>3 April 2026 (Jumaat)   3.00 petang</b>
Permohonan ditutup	<b>16 April 2026 (Khamis)   5.00 petang</b>
Pengisian UKPP	<b>3 April 2026 (Jumaat)   3.00 petang</b> - <b>16 April 2026 (Khamis)   5.00 petang</b>
Semakan Panggilan SAC	<b>11 Mei 2026 (Isnin)   2.00 petang</b> - <b>14 Mei 2026 (Khamis)   5.00 petang</b>
Tempoh SAC	<b>19 Mei 2026 (Selasa) - 21 Mei 2026 (Khamis)</b>
Jangkaan Keputusan	<b>Minggu ketiga bulan Jun 2026</b>

Nota: tertakluk kepada perubahan semasa

## 7. HAK KERAJAAN

- 7.1. Pertimbangan adalah tertakluk kepada peruntukan yang ada serta perubahan dasar Kerajaan dari semasa ke semasa. Pihak Kerajaan tidak terikat untuk meluluskan sebarang permohonan yang diterima walaupun permohonan tersebut memenuhi syarat-syarat dan kriteria yang telah ditetapkan.
- 7.2. JPA boleh membuat sebarang perubahan kepada program penajaan ini pada bila-bila masa termasuk syarat dan kriteria tanpa perlu mengemukakan sebarang notis pemberitahuan terlebih dahulu.
- 7.3. JPA boleh menarik balik tawaran penajaan sekiranya didapati perlu tanpa memberikan sebarang notis terlebih dahulu.

- TAMAT -



## SOALAN LAZIM PROGRAM KHAS JPA-MARA TAHUN 2026

### 1. Apakah itu Program Khas JPA-MARA (PKJM) 2026?

Program Khas JPA-MARA (PKJM) Tahun 2026 merupakan penajaan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) kepada pelajar Bumiputera cemerlang lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2025 untuk mengikuti pengajian peringkat Persediaan dan Ijazah Pertama di dalam negara dan luar negara iaitu di negara Jepun, United Kingdom, New Zealand dan Malaysia dalam bidang-bidang berkaitan.

### 2. Apakah syarat-syarat permohonan PKJM 2026?

Calon-calon mestilah memenuhi syarat umum dan syarat khusus permohonan seperti berikut :

#### 2.1 Syarat Umum

- (a) Pemohon DAN salah seorang ibu ATAU bapa berketurunan Melayu/Bumiputera dan warganegara Malaysia;
- (b) Pemohon disyaratkan bebas daripada penyakit kronik/ berjangkit/ penyakit yang memerlukan rawatan susulan dan berupaya mengikuti pengajian sehingga tamat, serta disahkan sihat untuk meneruskan pengajian;
- (c) Ibu dan/atau bapa dan/atau pemohon tidak disenarai hitam oleh JPA atau sedang dalam tindakan undang-undang oleh JPA. Bagi tujuan permohonan ini, sila pastikan pemohon/ibu/bapa adalah bebas daripada tindakan undang-undang/disenarai hitam pinjaman JPA. Semakan senarai hitam JPA boleh dibuat di pautan [https://esilav2.jpa.gov.my/online\\_progs/tunggakanindividu.php](https://esilav2.jpa.gov.my/online_progs/tunggakanindividu.php). **Jika pemohon/ibu/bapa didapati telah dikenakan tindakan undang-**

undang/disenarai hitam, sila hubungi 03-8000 8000 (waktu pejabat sahaja) atau salurkan pertanyaan melalui <https://forms.gle/gGAu45dtiDafDnqW6> dalam tempoh 3 April 2026 (Jumaat) hingga 10 April 2026 (Jumaat) untuk penyelarasan lanjut. Keputusan adalah muktamad dan tiada rayuan akan diterima selepas daripada tempoh yang ditetapkan.

- (d) Sekiranya berjaya ditawarkan penajaan JPA, pemohon tidak dibenarkan menerima bantuan kewangan/ tajaan daripada mana-mana agensi untuk peringkat atau pengajian yang sama;
- (e) Menduduki peperiksaan SPM 2025 buat kali pertama di mana-mana sekolah menengah atau calon-calon persendirian; dan
- (f) Umur belum mencapai 19 tahun, atau belum mencapai 20 tahun bagi pelajar peralihan pada 31 Disember tahun peperiksaan SPM diduduki.

## 2.2 Syarat Khusus

Perincian syarat khusus mengikut bidang adalah seperti berikut:

### (A) PKJM Luar Negara

BIL	PROGRAM / BIDANG / NEGARA PENGAJIAN / KOLEJ PERSEDIAAN	SYARAT / GRED MINIMUM KEPUTUSAN SPM
1.	<p><b>AKADEMIK JEPUN</b></p> <p><u>Bidang</u> <b>Kejuruteraan /Sains &amp; Teknologi</b></p> <p><u>Negara</u> <b>Jepun</b></p> <p><u>Kolej Persediaan</u> <b>Ambang Asuhan Jepun, Pusat Asasi Sains Universiti Malaya</b></p> <p><u>Kod Program</u> <b>PKJM 001</b></p>	<p><b>Mendapat</b> sekurang-kurangnya <b>Gred A dalam lima mata pelajaran</b> berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Bahasa Melayu;</li> <li>b) Matematik;</li> <li>c) Matematik Tambahan;</li> <li>d) Fizik;</li> <li>e) Kimia;</li> </ul> <p><b>Dan</b></p> <p><b>Mendapat</b> sekurang-kurangnya <b>Gred A- dalam dua mata pelajaran</b> berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Bahasa Inggeris;</li> <li>b) Sejarah.</li> </ul>

BIL	PROGRAM / BIDANG / NEGARA PENGAJIAN / KOLEJ PERSEDIAAN	SYARAT / GRED MINIMUM KEPUTUSAN SPM
2.	<p><b>AKADEMIK JEPUN</b></p> <p><u>Bidang</u> <b>Sains Sosial</b></p> <p><u>Negara</u> <b>Jepun</b></p> <p><u>Kolej Persediaan</u> <b>Pusat Bahasa Teikyo</b></p> <p><u>Kod Program</u> <b>PKJM 002</b></p>	<p><b>Mendapat</b> sekurang-kurangnya <b>Gred A dalam empat mata pelajaran</b> berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Bahasa Melayu;</li> <li>b) Matematik;</li> <li>c) Pendidikan Islam / Pendidikan Al-Quran dan Al-Sunnah / Pendidikan Syari'ah Islamiah / Pendidikan Moral / Usul Al-Din / Al-Syariah / Turath Al-Quran dan Al-Sunnah / Turath Dirasat Islamiah;</li> <li>d) <b>Satu</b> mata pelajaran lain;</li> </ul> <p><b>Dan</b></p> <p><b>Mendapat</b> sekurang-kurangnya <b>Gred A- dalam dua mata pelajaran</b> berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Matematik Tambahan;</li> <li>b) Bahasa Inggeris;</li> <li>c) Sejarah.</li> </ul>
3.	<p><b>AKADEMIK UNITED KINGDOM</b></p> <p><u>Bidang</u> <b>Kejuruteraan/ Sains &amp; Teknologi</b></p> <p><u>Negara</u> <b>United Kingdom</b></p> <p><u>Kolej Persediaan</u> <b>Malay College Kuala Kangsar / Kolej Tunku Kurshiah</b></p> <p><u>Kod Program</u> <b>PKJM 003</b></p>	<p><b>Mendapat</b> sekurang-kurangnya <b>Gred A dalam lima mata pelajaran</b> berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Bahasa Melayu;</li> <li>b) Matematik;</li> <li>c) Matematik Tambahan;</li> <li>d) Fizik;</li> <li>e) Kimia;</li> </ul> <p><b>Dan</b></p> <p><b>Mendapat</b> sekurang-kurangnya <b>Gred A- dalam dua mata pelajaran</b> berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Bahasa Inggeris; dan</li> <li>b) Sejarah.</li> </ul>

BIL	PROGRAM / BIDANG / NEGARA PENGAJIAN / KOLEJ PERSEDIAAN	SYARAT / GRED MINIMUM KEPUTUSAN SPM
4.	<p><b>AKADEMIK UNITED KINGDOM</b></p> <p><u>Bidang</u> <b>Sains Sosial</b></p> <p><u>Negara</u> <b>United Kingdom</b></p> <p><u>Kolej Persediaan</u> <b>Kolej MARA Seremban</b></p> <p><u>Kod Program</u> <b>PKJM 004</b></p>	<p><b>Mendapat</b> sekurang-kurangnya <b>Gred A dalam lima mata pelajaran</b> berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Bahasa Melayu;</li> <li>b) Matematik;</li> <li>c) Pendidikan Islam / Pendidikan Al-Quran dan Al-Sunnah / Pendidikan Syari'ah Islamiah / Pendidikan Moral / Usul Al-Din / Al-Syariah / Turath Al-Quran dan Al-Sunnah / Turath Dirasat Islamiah; dan</li> <li>d) <b>Dua</b> mata pelajaran lain;</li> </ul> <p><b>Dan</b></p> <p><b>Mendapat</b> sekurang-kurangnya <b>Gred A- dalam dua mata pelajaran</b> berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Bahasa Inggeris; dan</li> <li>b) Sejarah.</li> </ul>
5.	<p><b>BERKEMBAR NEW ZEALAND</b></p> <p><u>Bidang</u> <b>Perakaunan / Ekonomi / Kewangan</b></p> <p><u>Negara</u> <b>Malaysia dan New Zealand</b></p> <p><u>Kolej Persediaan</u> <b>Kolej Yayasan Saad Business School</b></p> <p><u>Kod Program</u> <b>PKJM 005</b></p>	<p><b>Mendapat</b> sekurang-kurangnya <b>Gred A dalam lima mata pelajaran</b> berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Bahasa Melayu;</li> <li>b) Matematik;</li> <li>c) Pendidikan Islam / Pendidikan Al-Quran dan Al-Sunnah / Pendidikan Syari'ah Islamiah / Pendidikan Moral / Usul Al-Din / Al-Syariah / Turath Al-Quran dan Al-Sunnah / Turath Dirasat Islamiah;</li> <li>d) <b>Dua</b> mata pelajaran lain;</li> </ul> <p><b>Dan</b></p> <p><b>Mendapat</b> sekurang-kurangnya <b>Gred A- dalam dua mata pelajaran</b> berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Bahasa Inggeris;</li> <li>b) Sejarah.</li> </ul>

(B) Program PKJM Dalam Negara

BIL	BIDANG	SYARAT / GRED MINIMUM KEPUTUSAN SPM
1.	<p><u>Bidang</u> <b>Kejuruteraan/ Sains dan Teknologi</b></p> <p><u>Persediaan &amp; Ijazah Pertama</u> <b>IPTS (GLU)</b></p> <p><u>Kod Program</u> Kejuruteraan: <b>PKJM 008 (UTP)</b> <b>PKJM 010 (UNITEN)</b> <b>PKJM 013 (MMU)</b> <b>PKJM 016 (UniKL)</b></p> <p>Sains dan Teknologi: <b>PKJM 009 (UTP)</b> <b>PKJM 011 (UNITEN)</b> <b>PKJM 014 (MMU)</b> <b>PKJM 017 (UniKL)</b></p>	<p><b>Mendapat</b> sekurang-kurangnya <b>Gred A dalam lima mata pelajaran</b> berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"><li>a) Bahasa Melayu;</li><li>b) Matematik;</li><li>c) Matematik Tambahan;</li><li>d) Fizik; dan</li><li>e) Kimia.</li></ul> <p><b>Dan</b></p> <p><b>Mendapat</b> sekurang-kurangnya <b>Gred A- dalam dua mata pelajaran</b> berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"><li>a) Sejarah; dan</li><li>b) <b>Satu</b> mata pelajaran lain.</li></ul>
2.	<p><u>Bidang</u> <b>Sains Sosial</b></p> <p><u>Persediaan &amp; Ijazah Pertama</u> <b>IPTS (GLU)</b></p> <p><u>Kod Program</u> <b>PKJM 012 (UNITEN)</b> <b>PKJM 015 (MMU)</b> <b>PKJM 018 (UniKL)</b></p>	<p><b>Mendapat</b> sekurang-kurangnya <b>Gred A dalam lima mata pelajaran</b> berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"><li>a) Bahasa Melayu;</li><li>b) Matematik;</li><li>c) Pendidikan Islam / Pendidikan Al-Quran dan Al-Sunnah / Pendidikan Syari'ah Islamiah / Pendidikan Moral / Usul Al-Din / Al-Syariah / Turath Al-Quran dan Al-Sunnah / Turath Dirasat Islamiah; dan</li><li>d) <b>Dua mata pelajaran lain</b></li></ul> <p><b>Dan</b></p> <p><b>Mendapat</b> sekurang-kurangnya <b>Gred A- dalam dua mata pelajaran</b> berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"><li>a) Sejarah; dan</li><li>b) <b>Satu</b> mata pelajaran lain.</li></ul>

**3. Bagaimanakah saya boleh memohon penajaan JPA di bawah PKJM 2026?**

Permohonan boleh dibuat secara dalam talian di laman web MARA mulai **3 April 2026, 3.00 petang hingga 16 April 2026, 5.00 petang**. Pemohon hendaklah membaca dan memahami kesemua panduan dan syarat-syarat yang telah ditetapkan bagi program ini sebelum membuat permohonan.

**4. Apakah itu *Student Assessment Centre* (SAC)?**

*Student Assessment Centre* (SAC) merupakan kaedah pemilihan pelajar bagi menyediakan profil interpersonal pelajar dan menyediakan maklumat kumulatif berkenaan kompetensi pelajar bagi memilih pelajar terbaik untuk ditaja JPA. Penilaian SAC ini adalah untuk melihat keadaan fizikal, penampilan, kesesuaian, kerjasama, ketahanan, kematangan, daya kreativiti, komunikasi, kepimpinan dan minat calon dalam bidang pengajian dan Perkhidmatan Awam.

**5. Bilakah program SAC akan dijalankan?**

SAC dijadualkan pada **19 hingga 21 Mei 2026** mengikut zon pusat temu duga.

**6. Bilakah saya boleh mengetahui sama ada saya dipanggil untuk ke Program SAC?**

Calon boleh membuat semakan panggilan ke Program SAC mulai **11 Mei 2026, 2.00 petang** secara dalam talian iaitu di <http://www.mara.gov.my>. Pusat SAC yang perlu dihadiri adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam surat panggilan.

**7. Apakah dokumen yang perlu saya bawa semasa menghadiri Program SAC?**

Dokumen yang perlu dibawa semasa menghadiri SAC akan dimaklumkan melalui surat panggilan SAC bagi calon yang melepasi syarat.

**8. Bagaimanakah JPA akan membuat pemakluman berhubung urusan permohonan, panggilan SAC, keputusan dan penawaran PKJM 2026?**

Semua urusan berhubung Program Khas JPA-MARA iaitu permohonan, panggilan SAC, keputusan dan cetakan surat tawaran serta dokumen-dokumen yang berkaitan akan dibuat secara dalam talian melalui laman web MARA.

Surat-surat/slip-slip pengesahan yang berkenaan hendaklah dimuat turun dan dicetak sendiri oleh calon.

Calon adalah dinasihatkan untuk sentiasa membuat semakan di laman web MARA dari semasa ke semasa bagi mengetahui sebarang maklumat terkini.

**9. Saya menduduki peperiksaan SPM 2024. Bolehkah saya memohon PKJM 2026?**

**TIDAK BOLEH.** Program Khas JPA-MARA Tahun 2026 hanya dibuka kepada pelajar lepasan **SPM tahun 2025 sahaja.**

**10. Bolehkah calon memilih bidang pengajian?**

**BOLEH.** Calon-calun hanya dibenarkan memilih **satu bidang yang ditawarkan sahaja** bergantung kepada minat dan kecenderungan calon.

**11. Adakah calon dibenarkan untuk mengikuti program persediaan secara persendirian di pusat persediaan yang berasingan?**

**TIDAK.** Calon-calun yang berjaya ditawarkan PKJM 2026 **perlu mengikuti program persediaan di Kolej / Pusat Persediaan yang telah ditetapkan oleh JPA sahaja.**

- 12. Sekiranya saya tidak memohon Program Khas JPA-MARA 2026, adakah saya layak dipertimbangkan sebarang penajaan lain di JPA?**

Pelajar boleh memohon apa-apa program penajaan lain yang ditawarkan oleh JPA sekiranya berminat dan melepasi syarat-syarat permohonan penajaan.

- 13. Saya layak untuk memohon penajaan Program Khas Jepun, Korea, Perancis dan Jerman (JKPJ) Tahun 2026 serta Program Khas JPA-MARA (PKJM) Tahun 2026. Adakah saya boleh memohon kedua-dua program tersebut?**

**TIDAK.** Pelajar hanya dibenarkan untuk membuat pemilihan **satu (1) program** sahaja bagi tujuan permohonan, iaitu sama ada Program Khas Jepun, Korea, Perancis dan Jerman (JKPJ) Tahun 2026 atau Program Khas JPA-MARA (PKJM) Tahun 2026.

- 14. Berapakah Elaun Sara Hidup yang akan saya terima semasa di peringkat persediaan?**

Elaun Sara Hidup yang akan diterima adalah sebanyak **RM530.00 sebulan.**

- 15. Adakah Program SAC dilaksanakan di luar negara bagi calon-calon yang mengikuti program pertukaran pelajar?**

**TIDAK.** Program SAC hanya dilaksanakan di dalam negara sahaja.

- 16. Sekiranya saya tidak dipanggil ke program SAC, adakah saya boleh membuat rayuan?**

**TIDAK.** Hanya calon yang melepasi syarat sahaja akan dipanggil ke program SAC.

17. **Setelah saya mendapat tawaran penajaan JPA, bolehkah saya memohon pinjaman tambahan daripada penaja lain seperti PTPTN?**

**TIDAK.** Pelajar **hanya dibenarkan** untuk menerima **satu tajaan sahaja.**

18. **Sekiranya saya ada membuat semakan ke atas keputusan peperiksaan saya dan terdapat perubahan pada keputusan tersebut, ke mana harus saya hantar keputusan tersebut?**

Sekiranya calon membuat **semakan semula keputusan SPM**, calon perlu segera mengemukakan hasil semakan semula yang diterima daripada Lembaga Peperiksaan **selewat-lewatnya 16 April 2026 (Khamis) jam 5.00 petang** menerusi e-mel [lepasanspm2026@jpa.gov.my](mailto:lepasanspm2026@jpa.gov.my). Permohonan bagi calon yang ingin menggunakan hasil keputusan semakan semula SPM tidak akan dipertimbangkan sekiranya diterima selepas tarikh tutup permohonan.

19. **Tarikh Tutup Permohonan**

**Tarikh tutup permohonan adalah pada 16 April 2026 (Khamis) jam 5.00 petang.** Permohonan yang diterima selepas tarikh tersebut tidak akan dipertimbangkan.

20. **Keputusan Permohonan**

Keputusan permohonan penajaan dijangka akan diumumkan melalui laman web <http://www.mara.gov.my> pada **minggu ketiga Jun 2026.**

Pelajar yang tidak menerima sebarang notifikasi dalam tempoh 90 hari selepas tarikh permohonan adalah dianggap tidak berjaya.

- 21. Sekiranya permohonan saya disekat disebabkan oleh saya dan/atau ibu dan/atau bapa saya disenaraihitamkan oleh JPA, apakah tindakan yang perlu saya lakukan ?**

Sila hubungi **03-8000 8000 (waktu pejabat sahaja)** atau salurkan pertanyaan melalui <https://forms.gle/qGAu45dtiDafDnqW6> dalam tempoh **3 April 2026 (Jumaat) hingga 10 April 2026 (Jumaat)** untuk penyelarasan lanjut. Keputusan adalah muktamad dan tiada rayuan akan diterima selepas daripada tempoh yang ditetapkan.

- 22. Adakah saya boleh memohon bagi kedua – dua Program Khas Jepun, Korea, Perancis dan Jerman (JKPJ) Tahun 2026 dan Program Khas JPA – MARA (PKJM) Tahun 2026 ?**

Tidak dibenarkan. Calon dibenarkan untuk membuat pemilihan satu (1) program sahaja bagi tujuan permohonan, iaitu sama ada Program Khas Jepun, Korea, Perancis dan Jerman (JKPJ) Tahun 2026 atau Program Khas JPA–MARA (PKJM) Tahun 2026. Untuk makluman, Program PKJM Tahun 2026 adalah khusus kepada calon yang berketurunan Melayu/Bumiputera DAN salah seorang ibu atau bapa mestilah berketurunan Melayu/Bumiputera dan merupakan warganegara Malaysia

\*Dikemaskini pada 2 Mac 2026